

# Polisi UiTM tak akan diubah

## Kerajaan tak layan cadangan ambil 10 peratus pelajar bukan Bumiputera

B-H 15/08/08 MA 26

Oleh Mohd Hamizar Hamid  
mizar@bharian.com.my

**P**UTRAJAYA: Polisi Universiti Teknologi Mara (UiTM) tetap tidak akan diubah dan institusi pengajian tinggi itu terus kekal untuk pelajar Bumiputera, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohammed Khaled Nor-din.

Beliau berkata, kerajaan tidak akan melayan cadangan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim supaya UiTM menambah 10 peratus kemasukan pelajar kepada bukan Bumiputera dan pelajar asing.

Katanya, perkara itu juga tidak dibincangkan dalam Kabinet kelmarin, kerana ia bukan antara matlamat utama penubuhan

universiti itu.

“Memang kita tidak akan ubah polisi hanya kerana orang macam itu,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Pendidikan Reka Bentuk dan Pembangunan Multimedia Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Pengajian Politeknik dan

Kolej Komuniti, Datuk Imran Idris.

Mohamed Khaled mengulas kenyataan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim yang bersetuju dengan pandangan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan negeri, Dr Halimah Ali, yang berpendapat tidak salah bagi UiTM dibuka kepada pelajar

bukan Bumiputera.

Dr Halimah bagaimanapun mahu kajian terperinci dilakukan supaya langkah itu tidak bercanggah matlamat asal penubuhan universiti awam terbesar itu.

Mohamed Khaled bagaimanapun enggan mengulas lanjut dan berkata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah membuat kenyataan mengenai perkara itu.

FAKTA NOMBOR

Universiti Teknologi  
Mara

116,000

orang

Jumlah pelajar UiTM

20

kampus

Di seluruh negara